# Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 (HES 2019)

Pada 2019, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan rakyat Malaysia secara puratanya telah meningkat kepada RM4,534 berbanding RM4,033 pada 2016. Pertumbuhan pada kadar 3.9 peratus ini adalah selari dengan pertumbuhan sederhana pendapatan isi rumah bulanan purata pada kadar 4.2 peratus bagi tempoh yang sama.

Hasil dapatan HES 2019 menunjukkan, daripada 12 kumpulan utama perbelanjaan penggunaan, isi rumah banyak berbelanja bagi tiga kumpulan utama barang keperluan asas iaitu:

- Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (RM1,068: 23.6%).
- Makanan & Minuman Bukan Alkohol (RM783: 17.3%).
- Pengangkutan (RM611: 13.5%).

Selain tiga kumpulan ini, isi rumah

*Berdasarkan laporan HES 2019, corak perbelanjaan makan di luar rumah menunjukkan peningkatan dan selari dengan perubahan gaya hidup moden, tabiat pemakanan, urbanisasi, perkembangan industri perkhidmatan makanan dan tahap ekonomi yang kukuh.*

urbanisasi, perkembangan industri perkhidmatan makanan dan tahap ekonomi yang kukuh.

Pendapatan isi rumah, lokasi dan kumpulan etnik utama antara faktor signifikan yang menyumbang kepada aktiviti makan di luar oleh isi rumah di Malaysia.

Secara umumnya, perbelanjaan bagi makanan boleh dibahagikan



di Malaysia juga banyak berbelanja dalam kumpulan restoran dan hotel iaitu kombinasi barangan keperluan asas dan pilihan. Perbelanjaan bagi kumpulan ini sebanyak RM631 (13.9 peratus) merupakan antara komponen perbelanjaan tertinggi mengatasi kumpulan pengangkutan.

Perbelanjaan makan di luar yang digambarkan melalui perbelanjaan dalam kumpulan ini menunjukkan isi rumah juga cenderung berbelanja untuk makan di luar rumah.

**Corak perbelanjaan makan di luar rumah**

Berdasarkan laporan HES 2019, corak perbelanjaan makan di luar rumah menunjukkan peningkatan dan selari dengan perubahan gaya hidup moden, tabiat pemakanan, kepada dua kategori utama iaitu makan di rumah dan makan di luar rumah (seperti restoran, gerai termasuk yang dibeli di luar tetapi makan di rumah).

Pada 2019, perbelanjaan bagi makan di luar rumah dan makan di rumah masing-masing menyumbang sebanyak 11.2 peratus dan 17.3 peratus kepada jumlah perbelanjaan rakyat Malaysia. Ia merupakan 28.5 peratus daripada 12 kumpulan utama perbelanjaan.

Walaupun perbelanjaan makan di luar rumah merekodkan peratusan yang rendah berbanding makan di rumah, namun pertumbuhannya masih menunjukkan aliran yang semakin meningkat dari tahun ke tahun.

**Peratusan Perbelanjaan Makanan Makan Di Luar dan Makan Di Rumah Oleh Isi Rumah di Malaysia, 2004-2019**




# Perbelanjaan makan di luar rumah

**PERBELANJAAN** isi rumah purata sebulan di Malaysia untuk makan di luar pada 2019 berjumlah RM508 iaitu meningkat sebanyak RM78 daripada RM430 pada 2016.

Hasil dapatan HES 2019 menunjukkan corak dan komposisi perbelanjaan makan di luar isi rumah Malaysia adalah berbeza mengikut kategori seperti berikut:

